

Jangan jadikan isu — PM

UM - 2 JUN 2002

Oleh ASUKI ABAS

PUCHONG 1 Jun — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, dasar membuka pintu Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) kepada semua kaum tidak harus dijadikan isu kerana ia bukan polisi baru.

Perdana Menteri berkata, kerajaan sebelum ini telah membenarkan dasar itu dilaksanakan tetapi telah dihentikan oleh pihak-pihak tertentu dengan tujuan yang tidak diketahui.

“Tidak mengapalah, berilah dia (kaum bukan Melayu) masuk (ke MRSM).

“Dulu kita sudah lama membenarkan mereka masuk tetapi siapa yang arahkan supaya ia dihentikan, kita pun tidak tahu,” katanya.

Perdana Menteri bercakap kepada pemberita selepas menghadiri majlis perkahwinan Zalindawati Ismail dan Mohd. Rizal Idris di Taman Puchong Intan di sini hari ini.

● Kuota 10% munasabah — Muka 3

Zalindawati merupakan anak ketiga kepada pengawal peribadi Perdana Menteri, Ismail Manaf.

Beliau mengulas laporan *Utusan Malaysia* hari ini mengenai keputusan kerajaan memperuntukkan kuota sebanyak 10 peratus kepada semua kaum mulai tahun hadapan bagi kemasukan pelajar ke MRSM.

Dasar baru kerajaan itu, yang turut memberi kuota 10 peratus dalam Program Matrikulasi kepada bukan bumiputera adalah bagi membolehkan pelajar bumiputera mempunyai daya saing dengan kaum lain.

Berdasarkan kenyataan Majlis Amanah Rakyat (Mara), kemasukan pelajar bukan bumiputera ke MRSM tidak mengejutkan kerana maktab itu pernah mengambil pelajar berkenaan sejak di-

■ Lihat muka 4

tubuhkan pada tahun 1972 walaupun tiada kuota khusus ditetapkan untuk mereka.

Dasar itu dikatakan tidak akan menjejaskan sama sekali peluang pelajar bumiputera memasuki MRSM dan tidak bercanggah dengan Akta Mara 1966.

Mengenai dakwaan sesetengah pihak bahawa usaha menyatukan kaum harus dimulakan di sekolah kebangsaan Cina dan Tamil, Dr. Mahathir berkata, integrasi sudah sedia ada di sekolah-sekolah tersebut kerana terdapat banyak pelajar Melayu yang sedang belajar di sekolah-sekolah itu.

“Sekolah Cina pun banyak pelajar Melayu pergi, tidak perlu memaksa apa-apa pun dia sudah memasukinya,” kata Dr. Mahathir.

Menurut Perdana Menteri, dakwaan bahawa sekolah vernakular merupakan penentang integrasi antara kaum seperti yang dianjurkan oleh Sekolah Wawasan adalah tidak benar kerana hanya segelintir kecil sahaja yang menentanginya.

Pelampau

“Mereka yang menolak (Sekolah Wawasan) merupakan satu kumpulan sahaja, bukan semua. Mereka ini adalah golongan pelampau,” kata Perdana Menteri.

Sekolah Wawasan yang bertujuan menempatkan tiga jenis sekolah - SRJK (Cina), SRJK (Tamil) dan Sekolah Kebangsaan - dalam satu kompleks yang berkongsi kemudahan dan kawasan, telah mendapat tentangan daripada Guru-Guru Sekolah Cina Bersatu Malaysia atau “Dong Jiao Zong” sebelum ini.

Sementara itu, Dr. Mahathir dan isteri Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali turut merenjis air mawar kepada pasangan pengantin yang keduanya bertugas di Arab Malaysian Bank Bhd.